

Pemaju gagal bina kolam tadahan air punca banjir kilat

um 30/11/2006

Oleh MUHAMMAD RIZANIZAM
ABDUL HAMID

SHAH ALAM 29 Nov. – Lebih 2,000 buah keluarga di Kampung Melayu Subang, dekat sini, merayu kerajaan segera menyelesaikan masalah banjir kilat yang dihadapi mereka sejak empat tahun lalu.

Penduduk mendakwa, masalah itu berpunca daripada sikap tidak bertanggung jawab pemaju beberapa projek pembangunan berhampiran yang gagal menyediakan kolam tadahan air sehingga menyebabkan kawasan kampung tersebut banjir.

Menurut penduduk, dalam masa satu jam setiap kali hujan lebat, sesetengah rumah di kampung tersebut yang terletak di kawasan tanah rendah akan dinaiki air melebihi paras 1.2 meter.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, dakwaan penduduk ada benarnya apabila terdapat lumpur pada paras satu meter di beberapa rumah yang terletak berhampiran kawasan sungai.

Ketua Kampung Melayu Subang, Mohamad Isa Mohd. Sahat, 58, berkata, masalah banjir tidak pernah berlaku sebelum ini sehingga projek pembangunan di kawasan berhampiran dimulakan lebih tiga tahun lalu.

“Sejak kerja-kerja pembangunan tersebut mula dijalankan, kawasan ini akan dilanda banjir dalam masa satu jam setiap kali hujan lebat.

“Akibatnya, kira-kira 300 buah rumah yang terletak di kawasan tanah rendah dan berhampiran dengan sungai akan dinaiki air,” katanya kepada *Utusan Malaysia*, hari ini.

Jelas beliau, terdapat tiga buah kampung yang terletak dalam kawasan Kampung Melayu Subang iaitu Kampung Desa Subang Perantau, Kampung Landasan dan Kampung Subang Ehsan.

“Kebelakangan ini banjir kerap berlaku ekoran hujan lebat tetapi mujurlah penduduk sanggup bergotong royong membersihkan rumah jiran tetangga setiap kali dinaiki air.

“Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) juga sedia memberi bantuan makanan dan penempatan sementara kepada mangsa,” katanya.

Justeru Mohamad Isa berharap Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) segera bekerjasama untuk menyelesaikan masalah tersebut.



JENTERA pengorek menjalankan kerja-kerja melebar dan mendalamkan Sungai Pemula, Kampung Melayu Subang, Shah Alam, semalam. – Gambar RASHID MAHFOF

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Setinggan dan Pengurusan Bangunan Selangor, Datuk Mohd. Mokhtar Dahlan berkata, kerajaan sudah sedia maklum dengan masalah banjir kilat tersebut dan cuba menanganinya dalam masa terdekat.

“Untuk penyelesaian jangka pendek, kerajaan Selangor telah memperuntukkan RM14 juta manakala RM200 juta lagi daripada kerajaan Persekutuan diperuntukkan untuk perancangan jangka panjang.

“JPS juga telah membuat kajian teknikal dan mendapati banjir ini berpunca daripada limpahan air daripada Sungai Pelumut dan Sungai Damansara,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Jelas beliau, fasa satu untuk penyelesaian banjir jangka pendek telah pun dimulakan melibatkan kerja-kerja pelebaran dan mendalamkan Sungai Damansara di sebelah hilir.

Sementara itu, katanya, pemilihan kontraktor untuk kerja-kerja fasa ke dua di sebelah hulu akan dilaksanakan dalam minggu ini.

“Untuk fasa satu pelaksanaan jangka panjang, peruntukan sebanyak RM200 juta daripada kerajaan Persekutuan akan digunakan untuk kerja-kerja melebar dan mendalamkan sungai bermula daripada Sungai Damansara hingga ke Sungai Selangor.

“Perbincangan telah diadakan dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad

Khair Toyo juga telah mengarahkan pihak JPS supaya segera melantik kontraktor untuk memulakan fasa ke dua,” katanya.

Mokhtar juga mengingatkan, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap pemaju pembangunan di Masing U5 kerana mengabaikan tanggung jawab mereka sehingga menyebabkan Kampung Melayu Subang dilanda banjir.

“Saya dapati, pemaju ini gagal membina kolam tadahan air dan tadahan lumpur seperti yang ditetapkan dan ia telah mengakibatkan kawasan berhampiran dilanda banjir.

“Kali ini kita akan terus kenakan denda kepada pemaju yang bersalah kerana surat amaran telah dikeluarkan sebelum ini,” tegasnya.